



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
INDUSTRI KREATIF & SENI PERSEMBAHAN
SARAWAK

GARIS PANDUAN

PEMBAHARUAN LESEN (IBU PEJABAT & PEJABAT CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI PROGRAM SMM2H

SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME



GARIS PANDUAN PEMBAHARUAN LESEN (IBU PEJABAT & PEJABAT CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI PROGRAM SARAWAK MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H)

1.0 SYARAT PERMOHONAN

- 1.1 Garis Panduan ini adalah rujukan utama dalam pelaksanaan dan pengurusan Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H) bagi Permohonan Pembaharuan Lesen (Ibu Pejabat & Pejabat Cawangan) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri, tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pelaksanaan Garis Panduan ini adalah berasaskan Watikah Perwakilan Kuasa yang memberikan perwakilan kuasa Pesuruhjaya Pelancongan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP), untuk melaksanakan fungsi sebagai wakil Pesuruhjaya Pelancongan (selepas ini dirujuk sebagai "Setiausaha Tetap MTCP").

- 1.2 Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap MTCP berserta dokumen yang lengkap dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari dan tidak melebihi enam puluh (60) hari sebelum tarikh tamat tempoh sah laku lesen.
- 1.3 Permohonan pembaharuan lesen (Ibu Pejabat & Pejabat Cawangan) yang tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan seperti di bawah perenggan 1.2 adalah merupakan satu kesalahan di bawah subseksyen 32(5) Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]. Jika lesen syarikat telah habis tempoh lebih dari satu (1) tahun, maka Setiausaha Tetap MTCP berhak untuk enggan memperbaharui lesen syarikat tersebut di bawah Seksyen 32(4) Akta Industri Pelancongan 1992 dan syarikat hendaklah mengemukakan permohonan baharu di bawah seksyen 6 Akta 482 dan Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 jika masih berminat untuk menjalankan perniagaan.
- 1.4 Permohonan pembaharuan lesen bagi Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan (jika ada) hendaklah dikemukakan secara serentak.

- 1.5 Syarikat adalah diwajibkan untuk menghadiri dan lulus Travel & Tour Enhancement Course (TTEC) yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen di seluruh Malaysia sebagai syarat pembaharuan lesen.
- 1.6 Syarikat hendaklah mematuhi semua syarat lesen seperti dalam Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H).
- 1.7 Syarikat:
- a) tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482];
 - b) tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat;
 - c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
 - d) tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM);
 - e) tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan; dan
 - f) tiada tunggakan pembayaran tuntutan menerusi jaminan bank.
- 1.8 Syarikat perlu memastikan jaminan bank kekal sebanyak RM100,000.00 semasa permohonan dikemukakan.

2.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 2.1 Bagi permohonan pembaharuan lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H):
- a) Salinan sijil kursus Travel & Tours Enhancement Course (TTEC) yang masih sah laku bagi syarikat ATAU sesalinan sijil atau / dan kursus Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berlesen yang telah dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham atau kakitangan yang terlibat dalam Pengurusan syarikat. (Contohnya Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pegawai Operasi/ Pengurus Besar, wakil pengurusan syarikat yang dilantik oleh syarikat dsb);

- b) Penyata akaun bank rasmi syarikat bagi tempoh 3 bulan terkini. Penyata akaun bank berkenaan mestilah akaun syarikat yang telah diisytiharkan kepada Kementerian;
- c) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran A**;
- d) Salinan perjanjian penyewaan premis (Tenancy Agreement) yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa atau salinan Sales & Purchase (S&P) jika premis adalah milik syarikat, surat kebenaran atau sewaan yang dikeluarkan oleh PBT;
- e) Dokumen kelulusan berkaitan perubahan struktur syarikat seperti nama syarikat, modal berbayar, pemegang saham atau ahli lembaga pengarah atau perubahan lokasi premis perniagaan, seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Permohonan Perubahan Status & Lokasi Premis Perniagaan Pengendalian Dalam Negeri Bagi Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H) (jika berkenaan);
- f) Jaminan Bank bernilai RM100,000.00 baharu bertempoh selaras dengan tempoh permohonan pembaharuan lesen oleh syarikat bagi maksud pampasan atau bayaran balik untuk perlindungan peserta SMM2H;
- g) Salinan asal Lesen Perniagaan Pengendalian Dalam Negeri Bagi Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H) yang masih sah dalam tempoh 60 hari;
- h) Lesen Perniagaan (*Trading licence*);
- i) Lesen Operasi (*Operating licence*); dan
- j) Lesen Iklan (*Advertisement licence*)

3.0 TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan hendaklah dikemukakan secara fizikal berserta semua dokumen sokongan yang lengkap kepada Unit Pelesenan, Seksyen SMM2H, MTCP sehingga sistem permohonan secara atas talian dikuatkuasakan.

4.0 FI PEMROSESAN

- 4.1 Bayaran fi pemprosesan sebanyak RM20.00 bagi setiap permohonan hendaklah dibuat secara fizikal kepada MTCP melalui bank draf atas nama Pesuruhjaya Pelancongan, MOTAC.

5.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 5.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat dan e-mel sehingga sistem permohonan secara atas talian berkuat kuasa.

- 5.2 Bagi permohonan yang **DILULUSKAN**:

Syarikat hendaklah:

- a) Menjelaskan fi lesen bagi Ibu Pejabat dan setiap Pejabat Cawangan (sekiranya mempunyai cawangan); dan
- b) Tempoh lesen yang diperbaharui akan bermula mengikut keadaan yang berikut:
 - i. Jika kelulusan diberikan oleh Setiausaha Tetap MTCP selepas tarikh habis tempoh lesen asal, tempoh lesen yang diperbaharui akan bermula pada tarikh sebaik selepas tarikh kelulusan diberikan (rujuk Contoh 1 dan Contoh 2 di **Lampiran B**); atau
 - ii. Jika kelulusan diberikan oleh Setiausaha Tetap MTCP sebelum tarikh habis tempoh lesen asal, tempoh lesen yang diperbaharui akan bermula pada tarikh sebaik selepas tarikh habis tempoh lesen asal (rujuk Contoh 3 di **Lampiran B**).

- 5.3 Bagi permohonan yang **TIDAK DILULUSKAN**:

- a) Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan

dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

- b) Dalam tempoh rayuan, syarikat tidak dibenarkan untuk menerima atau memproses permohonan peserta SMM2H baharu dari tempoh tamat lesen sehingga keputusan permohonan rayuan dikeluarkan.

6.0 TEMPOH KELULUSAN

- 6.1 Kelulusan pembaharuan lesen SMM2H adalah mengikut tempoh satu (1) tahun hingga lima (5) tahun.

Syarikat perlu menyelesaikan urusan bayaran fi lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemakluman dikeluarkan.

- 6.2 Sekiranya syarikat gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dikemukakan.

7.0 PENGEMBALIAN LESEN

- 7.1 Sekiranya tiada permohonan pembaharuan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, pengusaha pelancongan hendaklah mengembalikan lesen tersebut termasuk apa-apa lesen tambahan kepada Setiausaha Tetap MTCP dalam tempoh 14 hari (Merujuk kepada peruntukan di bawah Seksyen 12, Akta 482).

- 7.2 Pengusaha pelancongan hendaklah dengan serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan yang berkaitan dengan lesen itu kecuali permohonan pembaharuan yang lengkap telah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap MTCP dalam tempoh yang ditetapkan.

- 7.3 Kegagalan pengusaha pelancongan mematuhi perenggan 7.1 dan 7.2 di atas boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan undang-undang.

8.0 PERINGATAN

- 8.1 Setiausaha Tetap MTCP boleh membatalkan sesuatu lesen atau mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika beliau berpuas hati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Setiausaha Tetap MTCP maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

9.0 FI LESEN

- 9.1. Bayaran fi lesen bagi setiap permohonan hendaklah dibuat secara fizikal kepada MTCP melalui bank draf atas nama Pesuruhjaya Pelancongan, MOTAC.

Bil.	Kategori	Tempoh Lesen	Fi Pembaharuan Lesen	Fi Lesen Tambahan
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program Sarawak Malaysia My Second Home (SMM2H)	1 Tahun	RM2,500.00	RM1,500.00
		2 Tahun	RM5,000.00	RM3,000.00
		3 Tahun	RM7,500.00	RM4,500.00
		4 Tahun	RM10,000.00	RM6,000.00
		5 Tahun	RM12,500.00	RM7,500.00

LAMPIRAN A

Borang BA/2

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya No.
Kad Pengenalan Jawatan..... bagi
pihak syarikat dengan
sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah / Pemegang Saham / Nama Syarikat / Lokasi / Modal Berbayar TANPA kelulusan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak;
- c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- d) tiada sebarang tunggakan “award” di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- e) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- f) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga / Pemegang Saham / Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- g) akan memastikan pengurusan aduan syarikat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh aduan dilaporkan;
- h) akan mematuhi peraturan dan kriteria yang ditetapkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak;
- i) Sekiranya didapati terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada peraturan dan kriteria tersebut, syarikat bersetuju untuk dikenakan tindakan pembatalan/ penggantungan lesen;
- j) saya/kami tidak akan melibatkan diri dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi segala urusan yang berkaitan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian serta Perakuan Permohonan dan Rayuan Lesen SMM2H bagi memastikan kepentingan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak dan pemegang taruh terpelihara;

Borang BA/2

- k) saya/kami tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan dan keadilan dalam mana-mana proses SMM2H ini;
- l) sekiranya ada sebarang percubaan daripada mana-mana pihak, saya/kami akan melaporkan dengan seberapa segera kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan. Saya/Kami sedar bahawa kegagalan berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]; dan
- m) saya/kami faham bahawa segala maklumat rasmi yang diperolehi dalam urusan SMM2H ini, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan- kewajipan rasmi dengan kerajaan Malaysia.

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta 482 atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh:

Saksi
Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh:

LAMPIRAN B**PENETAPAN TARIKH PEMBAHARUAN LESEN SEHARI SELEPAS KELULUSAN PEMBAHARUAN LESEN SMM2H OLEH SETIAUSAHA TETAP****CONTOH 1:**

Lesen Syarikat ABC (SMM2H) Sdn. Bhd. tamat pada 31.12.2025. Syarikat lewat mengemukakan permohonan pembaharuan iaitu selepas tarikh tempoh sah lesen pada 4.1.2026. Namun, perakuan dan kelulusan Setiausaha Tetap adalah bertarikh 1.3.2026. Maka, tarikh sah lesen syarikat selepas pembaharuan akan diselaraskan pada 2.3.2026 (iaitu sehari selepas kelulusan diberikan oleh Setiausaha Tetap).

Nama Syarikat: ABC (SMM2H) Sdn. Bhd. Tempoh Sah Lesen: 31 Disember 2025				
Tempoh Lesen Sebelum Pembaharuan	Tarikh Kemuka Pembaharuan	Tarikh Kelulusan Pembaharuan oleh Setiausaha Tetap	Kelulusan Tempoh Lesen	Tempoh Lesen
31.12.2025	4.1.2026	1.3.2026	2 tahun	Mulai 2.3.2026 hingga 1.3.2028

CONTOH 2:

Lesen Syarikat PQR (SMM2H) Sdn. Bhd. tamat pada 31.12.2025. Syarikat telah mengemukakan permohonan pembaharuan yang lengkap serta mematuhi syarat lebih awal iaitu pada 28.12.2025. Akan tetapi, perakuan dan kelulusan Setiausaha Tetap adalah bertarikh 28.2.2026. Maka, tarikh lesen syarikat akan diselaraskan pada 1.3.2026 (iaitu sehari selepas kelulusan diberikan oleh Setiausaha Tetap).

Nama Syarikat: PQR (SMM2H) Sdn. Bhd. Tempoh Sah Lesen: 31 Disember 2025				
Tempoh Lesen Sebelum Pembaharuan	Tarikh Kemuka Pembaharuan	Tarikh Kelulusan Pembaharuan oleh Setiausaha Tetap	Kelulusan Tempoh Lesen	Tempoh Lesen
31.12.2025	28.12.2025	28.2.2026	2 tahun	Mulai 1.3.2026 hingga 28.2.2028

CONTOH 3:

Syarikat HME (SMM2H) Sdn. Bhd. tamat pada 31.12.2025. Syarikat mengemukakan permohonan pembaharuan yang lengkap serta mematuhi syarat lebih awal iaitu pada 1.12.2025 dan perakuan serta kelulusan Setiausaha Tetap adalah bertarikh 10.12.2025. Bagi kes seperti ini, tarikh lesen syarikat tetap diselaraskan pada 1.1.2026 (iaitu sehari selepas tempoh sah lesen sebelum pembaharuan).

Nama Syarikat: HME (SMM2H) Sdn. Bhd. Tempoh Sah Lesen: 31 Disember 2025				
Tempoh Lesen Sebelum Pembaharuan	Tarikh Kemuka Pembaharuan	Tarikh Kelulusan Pembaharuan oleh Setiausaha Tetap	Kelulusan Tempoh Lesen	Tempoh Lesen
31.12.2025	1.12.2025	10.12.2025	2 tahun	Mulai 1.1.2026 hingga 31.12.2028



RENEWAL OF HEAD OFFICE AND BRANCH OFFICE LICENCES FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESS UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME.

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application letter for renewal of Head Office and Branch Office licenses (if applicable)	☐	Indicate the renewal license period applied for.
2.	Copy of valid Travel & Tours Enhancement Course (TTEC) certificate for the company; OR copies of certificates for courses attended by Board Members, shareholders, or management staff conducted by licensed Tourism Training Institutes (ILP)	☐	
3.	Company's official bank statements for the latest three (3) months	☐	The bank account must have been previously declared to the Ministry.
4.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/ 2)	☐	
5.	Copy of valid tenancy agreement duly stamped and signed by the premises owner; OR copy of Sale and Purchase Agreement (S&P) if the premises are company-owned; OR an approval/tenancy letter issued by the Local Authority (PBT)	☐	
6.	Approval documents relating to changes in company structure (if applicable), including company name, paid-up capital, shareholders, Board of Directors, or business premises location	☐	
7.	New Bank Guarantee amounting to RM100,000.00	☐	To be submitted upon approval of the renewal application to ensure the validity period aligns with the license issuance date.
8.	Original Domestic Tour Operating Business License under the SMM2H Programme	☐	License must remain valid within the 60-day renewal period.
9.	Copy of Trading License	☐	
10.	Copy of Operating License	☐	
11.	Copy of Advertisement License	☐	
12.	Bank Draft for Processing Fee Payment	☐	RM20.00 bank draft payable to the Commissioner of Tourism.
13.	Bank Draft for License Fee Payment	☐	To be submitted upon approval of the application and based on the approved license period.